DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
(KOTA KINABALU CITY HALL)

No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.
Tel.: 088-521800 (HQ), 6088-244000 (CPS) Faks: 088-233815, 219175, 316137
http://www.dbkk.sabah.gov.my

DBKK/ JPSM : 100-18/7/17

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Adalah menjadi dasar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bahawa selaras dengan keperluan yang termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu akan memastikan tempat kerja sentiasa selamat, sihat dan bersih bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggota Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan orang awam yang berurusan dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

Pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu akan bertanggungjawab dengan:

1. **MEMASTIKAN** bahawa anggota Dewan Bandaraya Kota Kinabalu diberikan maklumat, arahan dan bahan yang lengkap dan mencukupi tentang cara bekerja yang selamat, tidak memberikan risiko kepada diri sendiri atau orang lain;
2. **MENGEMASKINI** proses aliran kerja di setiap jabatan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu adalah selamat dan tidak membahayakan kesihatan pekerja;
3. **MENYEDIAKAN** kemudahan asas dan peralatan perlindungan kepada semua anggota Dewan Bandaraya Kota Kinabalu semasa menjalankan tugas harian;
4. **MENDAFTARKAN** setiap jenis bahan-bahan kimia yang digunakan di tempat kerja;
5. **MENJALANKAN** audit keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
6. **MELAPORKAN** setiap kemalangan dan risiko keselamatan dan kesihatan kepada pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu;

TARIKH KUAT KUASA

Dasar ini berkuatkuasa mulai dari 02 Februari 2016.

(DATUK YEO BOON HAI)
MAYOR DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU